



# **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID**

**BAHASA MELAYU**

**TINGKATAN 1**

## **MATLAMAT KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Matlamat kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian.

## **OBJEKTIF KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah, murid dapat:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- iii. menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan
- vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

<b>BAND</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD</b>
<b>6</b>	Menilai sesuatu perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis.
<b>5</b>	Memproses maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis.
<b>4</b>	Membuat penjelasan tentang maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis.
<b>3</b>	Memahami dan memberikan respons kepada maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis
<b>2</b>	Mengetahui dan memahami perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis
<b>1</b>	Mengetahui perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
<b>LISAN</b>	1	Berinteraksi tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian dengan menggunakan perkataan yang mudah.
	2	Mendengar, memahami dan menceritakan sesuatu perkara yang didengar dengan betul.
	3	Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan betul dan bahasa yang sesuai.
	4	Berbincang dan mengemukakan hujah yang relevan untuk menerima atau menolak pendapat secara sopan dalam pelbagai situasi.
	5	Menyatakan pendirian dengan mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.
	6	Membuat pertimbangan tentang pendapat yang dikemukakan dalam perbincangan dengan menyampaikan hujah secara kritis dengan sebutan, intonasi dan gaya yang sesuai dengan beradab untuk mempengaruhi pihak lain.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
<b>MEMBACA</b>	1	Membaca ayat daripada sesuatu sumber secara mekanis dengan betul melalui bimbingan.
	2	Membaca dan memberikan maksud perkataan yang terdapat dalam petikan mengikut konteks dengan betul.
	3	Membaca, menyaring maklumat dan menyusun isi-isi penting daripada bahan yang dibaca dengan betul.
	4	Membaca dan menjelaskan maksud yang tersurat dan tersirat dengan betul daripada pelbagai bahan.
	5	Membaca secara ekstensif dan menghuraikan maklumat secara logik untuk membuat inferens yang relevan.
	6	Membaca, membuat ramalan dengan memberikan alasan yang munasabah dan menilai secara keseluruhan sesuatu maklumat daripada pelbagai bahan dengan baik .

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
<b>MENULIS</b>	1	Menulis ayat mudah (FN +FN, FN + FK, FN + FA, FN + FS) dengan betul melalui bimbingan.
	2	Menjawab soalan pemahaman secara bertulis dengan betul.
	3	Menulis ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata, frasa dan penanda wacana yang sesuai.
	4	Menulis kerangka penulisan, idea utama dan idea sokongan berdasarkan sesuatu tajuk dalam perenggan dengan betul.
	5	Menghasilkan penulisan yang lengkap dengan laras bahasa yang sesuai dan ayat yang gramatis
	6	i. Menghasilkan penulisan kreatif (puisi) dan bukan kreatif (prosa) yang dapat dijadikan contoh.  ii. Menyunting dan memurnikan kesalahan bahasa sesebuah karya yang telah dihasilkan sehingga dapat dijadikan contoh.